

# **PENGARUH BUDAYA MELAYU DALAM GELAGAT PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DI MALAYSIA**

*(The Influence of Malay Culture in Inheritance Distribution in Malaysia)*

*Jasni Sulong*  
jasni@usm.my

Bahagian Pengajian Islam,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang,

## **Abstrak**

Orang Melayu mempunyai budaya yang khusus yang biasa diberikan jolokan “budaya Melayu”, “perangai orang Melayu” atau “adat Melayu”. Beberapa elemen yang dihubung kait dengan amalan adat, termasuklah dari aspek pembahagian harta pusaka. Pengaruh adat ini bukan sahaja memberikan kesan kepada corak pembahagian harta pusaka, malah juga kepada gelagat dalam pengurusan pembahagian harta pusaka. Berdasarkan amalan, pengaruh adat ini mengatasi peraturan yang ditetapkan dalam agama. Misalnya, harta dibahagikan secara sama rata antara adik-beradik lelaki dengan perempuan. Kebiasaannya pembahagian harta pusaka tidak dilakukan sehinggalah kedua-dua pasangan meninggal dunia. Campuran antara adat dengan agama dalam praktis ini menunjukkan berlakunya asimilasi budaya ke atas agama. Amalan ini berkembang dalam masyarakat, sehingga menyebabkan sesetengah anggota masyarakat tidak dapat membezakan antara ajaran agama dengan budaya. Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan untuk menyetengahkan percampuran antara budaya dengan gelagat, dan pengaruhnya dalam budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Penelitian membandingkan hukum syarak dengan amalan adat, terutama mengenai corak pembahagian harta pusaka. Hasil kajian menunjukkan gelagat dan budaya masyarakat Melayu terhadap adat dan agama di Malaysia, dan menganjurkan langkah-langkah asimilasi supaya adat yang diamalkan bertepatan dengan syariat Islam.

Kata kunci: Melayu, budaya, harta pusaka, gelagat, Islam

### ***Abstract***

*The Malays have specific practices normally termed as “Malay culture”, “Malay behaviour” or “Malay customs”. One element related to such practices is the distribution of inheritance. Influences from these customary practices do not merely affect the method of distribution but also the trend in managing the distribution as well. In practice, this influence supersedes laws as ordained by religion. One example is an estate that is divided equally among brothers and sisters. Normally, apportionment of an estate is not executed until a couple is deceased. This hybrid practice shows there is cultural assimilation in religious practices. Such practices have seeped into the community, so much so that some members of the community are no longer able to differentiate between culture and religion. As such, this research aims to expose the fusion of custom and common practice, as well as its impact on the culture of the Malays in Malaysia. The observation focused on a comparative method between Islamic law and customary practice, especially in the distribution of inheritance. The findings present the cultural practices of the Malays with regard to custom and religion in Malaysia, and outlines steps to be taken to ensure such assimilated practices are in line with Islamic law.*

*Keywords: Malay, custom, inheritance, attitude, Islamic law*

## **PENDAHULUAN**

Gelagat merupakan tingkah laku atau perangai yang menjadi tabiat setiap manusia. Gelagat terbentuk melalui persekitaran dan tradisi yang mempengaruhi kehidupan seseorang agar melakukannya secara berterusan dalam sesebuah komuniti. Hubungan gelagat individu dengan komuniti ini bergabung jalin dan menjadi faktor terbesar dalam menggerakkan sesuatu tradisi. Dalam hal ini, setiap individu dan komuniti mempunyai bentuk gelagat yang tertentu, mengikut pengalaman dan persekitaran masing-masing. Begitu juga dengan persoalan gelagat bagi komuniti orang Melayu di negara ini.

Makalah ini bertujuan untuk meneliti gelagat orang Melayu dan pengaruh asimilasi budaya dan agama, khususnya dalam perkara yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka. Penemuan ini diharap dapat membantu menyelesaikan kemelut isu pewarisan harta kepada generasi seterusnya, sama ada melibatkan pindah milik semasa hidup atau selepas kematian bagi memastikan kebajikan waris sentiasa terjamin. Pembahagian harta sepencaharian antara pasangan dalam perkahwinan juga diberikan keutamaan dalam kalangan masyarakat Melayu. Perhatian ini

mencerminkan gelagat masyarakat Melayu terhadap pemilikan harta. Gelagat ini pula akan dibincangkan menurut tuntutan syarak agar budaya yang diamalkan selari dengan tuntutan pembahagian harta pusaka dalam Islam.

### **Orang Melayu dan Islam**

Orang Melayu merupakan penduduk asal yang mendominasi wilayah Asia Tenggara. Terdapat pelbagai istilah bagi memperihalkan orang Melayu sama ada dari sudut antropologi, sosiologi mahupun undang-undang. Etimologi “Melayu” biasanya dikaitkan dengan maksud “cepat dan deras”, “penyeberang” dan “pengembara”.<sup>1</sup> Kebiasaannya, takrifan bagi memperihalkan “orang Melayu” ditujukan kepada mereka yang beragama Islam dan boleh bercakap Melayu. Takrifan ini pernah dilontarkan oleh Wilkinson bahawa, “*Anyone who is a Moslem and speaks the Malay tongue is accepted as a Malay whatever his ancestry;*” Takrifan ini meletakkan agama sebagai ciri utama sebelum penguasaan bahasa kerana sebahagian daripada masyarakat bukan Islam di negara ini boleh berbahasa Melayu dengan baik. Kepercayaan kepada agama Islam dalam kalangan orang Melayu adalah bertitik tolak daripada penerimaan agama Islam sebagai agama yang dianuti oleh raja-raja Melayu terdahulu. Hal ini adalah disebabkan oleh sikap orang Melayu yang sangat taat kepada pemerintah sejak zaman awal lagi. Apabila sultan mengisytiharkan agama Islam sebagai agama kepercayaan, maka orang Melayu dibawa memasuki Islam sehingga sebahagian daripada mereka menjadi sangat fanatik.<sup>2</sup>

Peletakan Islam sebagai elemen bangsa Melayu merupakan suatu hubungan yang kukuh di negara ini. Pertimbangan ini disifatkan sebagai *ethno-religious* kerana anutan kepada agama dianggap sebagai salah satu pola utama yang membentuk rupa bangsa tanpa melihat kepada bangsa asal.<sup>3</sup> Dalam hal ini, seorang Inggeris, Cina, India, Portugis, Iban atau Dayak juga boleh diistilahkan sebagai “Melayu” apabila mereka menganut agama Islam dan berkebolehan untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Oleh sebab konsep *ethno-religious* ini, mana-mana bangsa bukan Melayu yang memeluk agama Islam disebut sebagai telah “masuk Melayu”. Mereka akan dianggap “orang Melayu” meskipun latar belakang antropologi bangsa dan keturunannya berlainan. Keadaan ini menyebabkan berlakunya konflik identiti kepada anggota masyarakat tersebut sama ada mereka boleh dianggap Melayu atau tidak.<sup>4</sup>

Dalam Perlembagaan Persekutuan, di samping elemen agama dan bahasa, ada elemen lain juga yang turut diambil kira dalam mentakrifkan orang Melayu, iaitu berdasarkan amalan adat, asal usul keturunan dan tempat kelahiran seseorang.<sup>5</sup> Kemasukan elemen ini memberikan lebih pengkhususan pada ciri dan jati diri orang

Melayu sehingga mengeluarkan mereka yang tidak mengamalkan adat Melayu, tidak mempunyai ibu bapa yang berbangsa Melayu dan tidak dilahirkan di Persekutuan atau Singapura.<sup>6</sup> Definisi Perlembagaan Persekutuan ini mempunyai kesan undang-undang ke atas tafsiran Melayu kerana mereka yang menepati peruntukan ini akan mendapat hak istimewa sebagai orang Melayu menurut peruntukan undang-undang negeri atau undang-undang Persekutuan.<sup>7</sup>

Hubungan perkahwinan bangsa lain dengan orang Melayu, misalnya Cina dan India turut memberikan kesan kepada identiti baharu keturunan kacukan tersebut,<sup>8</sup> yang dikenali sebagai keturunan “Baba dan Nyonya”,<sup>9</sup> “Jawi Peranakan” dan “Mamak”.<sup>10</sup> Hasil asimilasi bangsa dan akulturasi budaya dengan orang Melayu di negara ini, maka lahirlah satu gelagat dan perwatakan tertentu dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu.<sup>11</sup>

### **Gelagat dan Perwatakan Orang Melayu**

Gelagat ialah gerak-geri, tingkah laku, riak, tabiat, petanda, perangai dan perilaku yang ditunjukkan dan diamalkan dalam masyarakat.<sup>12</sup> Setiap individu mempunyai gelagat (*character*) yang tersendiri dan begitulah juga bagi satu-satu unit rumpun bangsa. Persamaan pada gelagat dan watak akan membentuk suatu identiti bagi kelompok tersebut. Bagi orang Melayu, nilai unik yang sama antara mereka menjadi identiti kepada rumpun bangsa. Identiti ini boleh dikenal pasti melalui amalan gerak-geri dan tingkah laku yang menjadi tradisi dari zaman ke zaman. Oleh sebab itu, pengenalan sesuatu bangsa juga boleh dikenal melalui gelagat yang sama yang ditunjukkan dan diamalkan dalam kalangan masyarakat.<sup>13</sup>

Berdasarkan catatan para sarjana, pelbagai gelagat orang Melayu telah dikemukakan sama ada yang positif atau negatif. Perihal ini dianalisis dan dikemukakan secara berbeza-beza, sesuai dengan perbezaan perspektif dan latar belakang sarjana yang membincangkannya. Berdasarkan perspektif sarjana Barat, misalnya Frank Swettenham, gelagat orang Melayu boleh dilihat berdasarkan dua perspektif, sama ada yang positif atau negatif. Aspek positif yang dilakarkan tertumpu pada adab sopan orang Melayu yang tidak suka menunjuk-nunjuk dan bersikap amanah.<sup>14</sup> Gelagat negatif orang Melayu pula adalah berkaitan dengan sikap suka bermewah, gemar meminjam, sikap bertangguh, fanatik dalam agama, mempercayai perkara karut,<sup>15</sup> malas dan tidak mengutamakan waktu. Gambaran ini ditulis oleh Swettenham dalam *Malay Sketches*<sup>16</sup> (t.th), iaitu:

*The real Malay is ..... but he is extravagant, fond of borrowing money, and very slow in repaying it..... He is a Muhammadan and a fatalist, but he is also very superstitious..... He is, however, lazy to a degree, is without method or order of any kind, knows no regularity even in the hours of his meals, and considers time as of no importance.*

Gelagat ini sebenarnya berpaksi pada corak kehidupan orang Melayu yang santai dan mudah pada waktu dahulu.<sup>17</sup> Rata-rata orang Melayu tidak berpelajaran tinggi, melainkan anak golongan bangsawan dan hartawan.<sup>18</sup>

Orang Melayu sangat mentaati ketua seperti raja, imam dan penghulu sehingga mereka dinilai sebagai sangat mementingkan nilai politik, agama dan budaya yang sehingga hari ini menjadi elemen utama dalam tamadun Melayu.<sup>19</sup> Bagi orang Melayu, dua entiti politik mereka ialah raja dan alim ulama.<sup>20</sup> Bagi mereka, pemerintah ialah pemegang amanah yang diwariskan oleh agama untuk menjaga kebajikan, sama ada dari aspek dunia atau akhirat. Walaupun elemen kepercayaan ini turut disaluti unsur adat dan mistik seperti daulat dan keramat, namun gabung jalin antara adat dengan agama menjadikan orang Melayu tidak dapat dipisahkan daripada dua institusi penting tersebut sejak zaman-berzaman.<sup>21</sup>

Sementara dalam hal ehwal ekonomi dan harta, orang Melayu dahulu digambarkan sebagai bersikap pasif. Gelagat ini bukan sahaja digambarkan oleh para pegawai kolonial terawal, malah juga oleh sarjana Melayu seperti Abdullah Munsyi<sup>22</sup> dan Mahathir Mohamad.<sup>23</sup> Orang Melayu dikatakan bersikap suka bertanggung, kurang rajin bekerja dan lebih minat untuk berpolitik.<sup>24</sup> Gelagat negatif lain orang Melayu lambat bertindak, suka mengalah pada keadaan dan tidak berusaha untuk memajukan diri.<sup>25</sup> Keadaan ini menyebabkan orang Melayu bertindak pasif dalam mengumpul kekayaan.<sup>26</sup>

Walau bagaimanapun, pandangan negatif ini tidaklah diterima bulat-bulat, kerana sebahagian besar sarjana Melayu ada yang menolaknya seperti Syed Hussein al-Attas.<sup>27</sup> Orang Melayu sebenarnya rajin, bijak dan maju serta banyak mencapai kejayaan sejak dahulu. Sejarah dengan jelas menunjukkan bahawa orang Melayu telah mempunyai sistem politik dan undang-undang tersendiri sejak abad ke-13, mempunyai hubungan diplomatik dengan negara China, memperkembang empayar kerajaan Melayu sehingga keseluruhan gugusan kepulauan Melayu pada abad ke-14, dan menjadikan bahasa Melayu sebagai *lingua franca*.<sup>28</sup> Pengaruh bahasa, jalinan diplomatik dan penguasaan politik menunjukkan tahap kemajuan dan intelektual dalam kalangan orang Melayu pada masa dahulu.

## **PENGARUH “MELAYU” DALAM PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA**

Berdasarkan perbincangan, orang Melayu yang beragama Islam mempunyai gelagat tertentu yang menjadi identiti mereka. Gelagat mereka ini melangkaui sempadan ajaran agama. Hal ini berikutan latar belakang adat resam dan budaya orang Melayu bercampur baur antara ajaran Islam dengan kepercayaan adat tempatan serta pengaruh masyarakat serantau.<sup>29</sup> Percampuran ini menyebabkan sesetengah ajaran Islam telah ditafsir berasaskan adat Melayu berbanding dengan hukum syarak.

Keadaan ini menyebabkan pentafsiran orang Melayu terhadap hukum turut memberikan kesan pada gelagat pembahagian harta pusaka. Kesannya, pada hari ini pembahagian harta sepencarian didahulukan berbanding dengan pembahagian harta pusaka. Pembahagian harta pusaka juga sering tertangguh sehingga kedua-dua ibu bapa meninggal dunia, berlakunya pembahagian harta pusaka secara sama rata atau mengikut adat, serta menyekat waris yang bukan Melayu daripada mewarisi harta pusaka.

## **PEMBAHAGIAN HARTA SEPENCARIAN DAN PEWARISANNYA**

Harta sepencarian merupakan sebahagian daripada adat Melayu yang mengutamakan hak antara pasangan dalam sebuah keluarga melalui perkongsian hidup.<sup>30</sup> Pengaruh ini adalah berasaskan tanggungjawab lelaki dan wanita yang dianggap setara dalam perkongsian hidup berkeluarga. Dalam hal ini, seorang suami bertanggungjawab menyediakan rumah dan mencari nafkah, sementara tanggungjawab isteri pula adalah untuk menguruskan rumah tangga dan anak-anak. Kesan budaya ini menyebabkan isteri turut mempunyai hak khusus ke atas harta sepencarian sebelum diagihkan harta peninggalan mengikut pembahagian harta pusaka.<sup>31</sup>

Tradisi dan budaya ini diamalkan meskipun isteri tidak bekerja kerana mereka sama-sama menjalani kehidupan berumah tangga dan memainkan peranan masing-masing. Sumbangan isteri sebagai suri rumah tangga adalah besar kerana isteri merupakan pembantu suami, terutama dalam urusan rumah tangga, makan minum dan penjagaan anak-anak.<sup>32</sup> Isteri juga kadangkala menjadi “bank” suami dan bertanggungjawab membelanjakan harta tersebut untuk keperluan keluarga secara bijaksana.<sup>33</sup> Gelagat ini berterusan sehinggalah anak-anak berumah tangga dan dapat meneruskan kehidupan mereka sendiri. Akhirnya, waris yang tinggal bersama-sama ibu bapa hanyalah anak bongsu atau anak yang masih belum berkeluarga. Kebiasaannya, harta rumah dan hartanah akan diwariskan kepada anak tersebut secara adat melalui konsep penerusan harta sepencarian tadi untuk diberikan hanya

kepada waris yang tertentu. Swettenham (1948) mengulas mengenai gelagat ini dan menyatakan bahawa:<sup>34</sup>

*When the men of the family grew up and married, they would each establish themselves near or far, while the old people and the girls remained in the original house till all the children were married or the parents died, or, more commonly, brought up children to inherit the usufruct of the land and occupy the house...*

Jelasnya, kebiasaannya anak perempuan akan mewarisi rumah keluarga.<sup>35</sup> Anak-anak yang lebih tua atau anak lelaki akan mendirikan rumah sendiri setelah berkahwin atau mendiami rumah yang diwarisi oleh isteri masing-masing:<sup>36</sup>

*The sons left the homestead of their parents when they married and settled with their wives' families or elsewhere. In time therefore the homestead came to consist of sisters (or women more remotely related in the female line) together with their husbands and children.*

Keadaan ini membentuk satu situasi, iaitu waris yang lain tidak akan mempersoalkan lagi gelagat pembahagian harta pusaka tersebut dan berpuas hati dengannya.

## **PENANGGUHAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA**

Sikap suka bertanggung orang Melayu bukan sahaja dalam hal ehwal kerja harian, malah turut berlaku dalam kes pembahagian harta pusaka. Apabila ibu atau bapa meninggal dunia, harta pusaka tidak akan dibahagikan sehinggalah kedua-dua pasangan tersebut meninggal dunia. Keadaan ini menjadikan seolah-olah ibu atau bapa sebagai pemegang amanah sementara ke atas harta pusaka tersebut dan menggunakannya untuk kebajikan anak-anak. Kaedah yang diamalkan adalah berdasarkan prinsip senioriti dan perwalian dalam keluarga, sehingga berlaku kepada abang atau kakak yang tertua. Budaya mengamanahkan harta pusaka kepada waris yang tertua dalam keluarga konsisten diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh sebab itu, tanah atau apa-apa bentuk harta yang ditinggalkan akan dimanfaatkan secara kolektif oleh keluarga tanpa dipindah milik kepada waris secara khusus.<sup>37</sup>

Kedudukan ini berlawanan dengan syariah kerana pindah milik harta pusaka secara hukmi (hukum) kepada waris sebenarnya telah berlaku pada saat pemilik harta meninggal dunia. Mereka berhak untuk menerima dan memanfaatkan bahagian

harta pusaka mengikut kadar yang ditetapkan syarak. Namun, atas faktor budaya, secara tidak langsung telah wujud persefahaman tentang perwalian dalam kalangan waris. Walaupun demikian, waris akan sama-sama berkongsi manfaat daripada harta tersebut secara sama rata melalui persepakatan kekeluargaan. Pembahagian kepada hak milik khusus hanya dilakukan selepas suatu tempoh yang lama selepas kematian kedua-dua ibu bapa,<sup>38</sup> dan kadangkala berlarutan tanpa diselesaikan selagi wujud persepakatan untuk berkongsi harta tersebut secara sama rata antara adik-beradik. Tindakan ini membentuk gelagat orang Melayu sejak dahulu dan berterusan sehingga hari ini. Satu kajian ada menyatakan:<sup>39</sup>

*It was found that among the poor and the very poor, their response to the claim of land ownership often meant owning a piece of the shared inherited land with other siblings and relatives. Some may have already inherited land from their deceased relatives, but the land title had yet to be processed. Some lived on land belonging to their parents or parents-in-law, which they would inherit one day, while there were also others (3 percent) who squatted on community or “wakaf” land/fringe land.*

Sikap positif yang wujud antara abang, kakak dan adik-beradik berterusan atas dasar kasih sayang, hormat-menghormati dan budaya kekeluargaan.<sup>40</sup> Hubungan tanggungjawab ini dikenali juga dengan istilah *quasi-parental*, iaitu abang dan kakak mengambil peranan ibu bapa sebagai pengganti penjaga.<sup>41</sup> Berdasarkan amalan ini, saudara kandung yang tertua akan mengambil alih peranan bapa demi kemaslahatan ahli keluarga yang lain.<sup>42</sup> Walau bagaimanapun, kesan pemilikan bersama dan penangguhan tersebut menyebabkan berlakunya krisis pemilikan tanah yang kronik dalam kalangan orang Melayu pada kemudian hari, seperti pemilikan hartanah oleh waris yang terlalu ramai (*coproprietorship*), saiz tanah yang semakin mengecil dan pemilik hartanah yang telah lama meninggal dunia secara berlapis-lapis (*munasakhat*).<sup>43</sup>

### **Pembahagian Harta Pusaka Secara Sama Rata**

Gelagat yang biasa berlaku dalam pewarisan harta pusaka antara waris dalam sesebuah keluarga Melayu ialah pembahagian secara sama rata antara waris dan meninggalkan hukum faraid. Konsep ini sekiranya diamalkan secara rigid akan bercanggah dengan hukum syarak kerana hukum syarak menetapkan bahawa bahagian pusaka waris wanita adalah separuh daripada bahagian waris lelaki.<sup>44</sup> Walau bagaimanapun, dalam



tradisi masyarakat Melayu, amalan sama rata ini digambarkan berlaku secara “pakat” sebagaimana keterangan berikut:<sup>45</sup>

*The Muslim law has been applied so frequently by the Collectors of Land Revenue and the Courts that the law of inheritance is now, except as to take special rights of spouses, the Muslim Law. Questions of property and inheritance are seldom litigated between a woman and her own children or between the kindred of an intestate. Such matters are often settled by agreement and the tendency has been that in such agreements the widow usually receives more than her share under Muslim Law.*

Perkataan *agreement* tersebut merujuk amalan muafakat yang dilakukan dalam kalangan waris. Biasanya, amalan masyarakat ini berlaku dalam pembahagian harta pusaka di kampung sehingga budaya ini digelar sebagai “adat kampung”.<sup>46</sup> Permuafakatan yang berlaku dalam kalangan waris bukan setakat pembahagian pusaka yang sama rata, malah boleh memberikan bahagian yang lebih kepada waris tertentu sebagaimana dinukilkan:<sup>47</sup>

*... where the family agreed on the distribution of an inheritance, the result was usually to give a specific piece of land to the widow or dependent daughter and for sons to share equally with daughters or even to waive altogether in favour of daughters. Sometimes they would agree to give the whole estate to their mother, no doubt on the understanding that she would not sell it, thus in effect postponing distribution till after the death of both parents.*

Pada asasnya, amalan ini tidak bercanggah dengan Islam kerana sikap bermuafakat dan bermesyuarat (*syura*) adalah sebahagian daripada sistem Islam bagi mencari titik persamaan dan keikhlasan berkaitan hak ke atas harta. Oleh itu, keputusan pembahagian ini mestilah berdasarkan sukarela dan persetujuan bersama. Keunikan budaya pakat dalam kalangan orang Melayu ini turut mempengaruhi masyarakat lain yang tinggal dalam komuniti Melayu.<sup>48</sup>

## **SEKATAN WARIS YANG BUKAN MELAYU DAN KONFLIK PUSAKA**

Tafsiran rigid mengenai maksud Melayu yang hanya merujuk bangsa Melayu boleh menyebabkan hak harta pusaka oleh waris pusaka yang bukan Melayu akan tersekat. Keadaan ini menyebabkan kadar pembahagian harta pusaka sebagaimana yang telah

ditentukan dalam al-Quran dan hadis tidak dapat dilakukan dengan sempurna kepada waris yang berhak.<sup>49</sup> Misalnya dalam perkahwinan campur yang melibatkan orang Melayu dan Cina, dan kedua-duanya telah menganut agama Islam, maka hukum pusaka antara keduanya adalah saling mempusakai. Walau bagaimanapun, terdapat konflik dalam pembahagian harta pusaka kepada pasangan yang bukan Melayu sekiranya melibatkan pindah milik Tanah Rezab Melayu. Hal ini demikian kerana undang-undang hanya membenarkan pindah milik kepada waris yang berbangsa Melayu sahaja<sup>50</sup> dan ini menghalang pelaksanaan hukum pusaka sebagaimana kehendak syarak untuk diberikan kepada muallaf daripada bangsa lain.<sup>51</sup>

Kes sebegini pernah berlaku dalam kes kematian seorang Islam yang meninggalkan isterinya yang bukan Melayu tetapi beragama Islam. Begitu juga dalam kes *Hanisah lwn Tuan Mat* [1970]<sup>52</sup>, anak angkat berbangsa Cina yang diwasiatkan untuk menerima harta pusaka si mati tidak dibenarkan mewarisinya kerana bersalahan dengan Tanah Rezab Melayu dan juga bukan anak jati Kelantan.<sup>53</sup> Gelagat yang dibentuk oleh undang-undang ini terpaksa diatasi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri<sup>54</sup> dengan mengisytiharkan isteri tersebut sebagai seorang “Melayu”<sup>55</sup> bagi membolehkannya layak untuk mewarisi harta pusaka suaminya.<sup>56</sup>

Walaupun bagaimanapun, dalam kes perbezaan agama, orang bukan Islam kekal tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka pewarisnya yang beragama Islam dikenakan kepada waris yang beragama Islam tetapi telah keluar daripada agama. Sekiranya tiada waris lain, maka baitulmal akan mewarisi harta pusaka tersebut. Fakta ini pernah diputuskan dalam kes *Re Emily binti Abdullah @ Yeo Leng Neo* [1996]. Harta pusakanya hanya diwarisi oleh suami dan bakinya diserahkan kepada baitulmal kerana tiada waris beragama Islam yang lain. Meskipun demikian, tanggungjawab kekeluargaan antara pasangan Melayu dengan bukan Melayu yang berkahwin campur, dan tanggungjawab berkenaan nafkah dan tempat tinggal anak-anak, misalnya tidak terhenti oleh sebab perceraian. Dalam kes *Tang Sung Mooi lwn Too Miew Kim* [1994], mahkamah agung memutuskan bahawa tanggungjawab berkenaan tidak hilang begitu sahaja sekiranya salah satu pihak menganut agama Islam.<sup>57</sup>

Selain budaya orang Melayu yang bersikap hormat-menghormati dan saling berdiplomasi, tidak dinafikan juga kadangkala berlaku konflik berhubung pembahagian harta pusaka. Hubungan kekeluargaan boleh retak dan berlaku pergeseran apabila wujudnya ketidaksefahaman dan sikap tamak akan harta. Peribahasa Melayu ada menyatakan, “badan bersaudara emas takkan bersaudara kasih”, iaitu sikap tamak akan harta boleh memutuskan hubungan persaudaraan.<sup>58</sup> Berdasarkan gelagat ini, proses pembahagian harta pusaka boleh tertangguh akibat sebahagian waris yang tidak hadir atau memulaukan proses perbicaraan pusaka. Keadaan ini jelas diterangkan bahawa:<sup>59</sup>

*One of the most frequent problems that cause the delay is disputes between the beneficiaries. The most frequent type of dispute is the failure to agree on a representative for their land, for registration and legal purposes. They also stated that the disagreements frequently cause beneficiaries, who are often siblings, to feud among themselves for ownership of the land.*

Terdapat juga sesetengah orang Melayu yang menganggap terlalu cepat mengadakan pembahagian harta pusaka sebagai gelagat yang tidak baik kerana beralasan sikap ini menunjukkan kecenderungan “tamak harta”, “tidak menghormati ibu yang masih hidup” dan “tidak menghormati jenazah yang baru meninggal dunia”.<sup>60</sup> Gelagat dan pemikiran sebegini berpunca daripada salah faham orang Melayu dalam memahami hukum pembahagian harta pusaka dan hak ahli waris yang masih hidup,<sup>61</sup> ditambah lagi ketidakupayaan sesetengah anggota masyarakat dalam memahami prosedur pindah milik harta. Lebih malang lagi, tiada tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang bagi urusan pindah milik harta pusaka menyebabkan berlakunya kelengahan pembahagian harta pusaka dalam kalangan orang Melayu.<sup>62</sup> Konflik yang ketara juga berlaku apabila hak mewarisi tanah adat di bawah *Malay customary tenure* hanya diberikan kepada waris wanita sahaja. Amalan sebegini menafikan hak waris lelaki di bawah hukum faraid.

## **PENDEKATAN ISLAMISASI DALAM BUDAYA DAN GELAGAT MELAYU**

Berasaskan perbincangan, jelas bahawa terdapat adat yang bertepatan dengan syarak dan sebaliknya dalam budaya masyarakat Melayu. Pada asasnya, adat atau budaya yang tidak bercanggah dengan syarak adalah diiktiraf sebagai adat yang benar (*urf sahih*). Keadaan ini bersesuaian dengan konsep Islam sebagai agama yang menghargai fitrah dan norma kehidupan, manakala adat atau budaya yang bercanggah dengan prinsip Islam pula jelas bertentangan dengan hukum syarak.

Dalam konteks pembahagian harta berasaskan harta sepencarian, hal ini selari dengan Islam berdasarkan konsep *syarikat al-milk*, iaitu harta yang dikongsi antara suami dengan isteri dalam tempoh perkongsian hidup. Oleh itu, setiap pasangan merupakan rakan kongsi kepada yang lain. Adat membahagikan harta pusaka secara pakat juga adalah selaras dengan prinsip persepakatan (*musyawarah*) dan kerediaan (*an taradin*) antara waris yang berhak. Perbincangan yang mencapai kata sepakat dan dilakukan dengan ikhlas dan suci hati bagi melepaskan hak masing-masing adalah diharuskan dalam Islam dan menepati hukum syarak.

Walau bagaimanapun, sikap bertanggung dalam pembahagian harta pusaka sehingga menafikan hak waris yang memerlukan harta merupakan adat yang salah (*'urf fasid*). Hal ini demikian kerana Islam menetapkan bahawa seseorang waris berhak secara hukmi ke atas harta pusaka apabila pewaris mereka meninggal dunia. Oleh itu, pendekatan menanggungkan pusaka wajar ditinggalkan, melainkan mendapat keredaan waris terlibat. Di bawah prinsip ini juga, tidak timbul soal tamak untuk mendapatkan harta pusaka dengan segera selepas kematian kerana pusaka tersebut ialah hak waris yang telah ditetapkan oleh syarak.

Pembahagian harta pusaka secara sama rata (*an equal inheritance distribution*) adalah seiring dengan hukum syarak sekiranya mendapat keredaan semua waris atau melibatkan waris berhak.<sup>63</sup> Prosedurnya ialah setiap waris, khususnya waris lelaki hendaklah mengetahui dahulu bahagian pusaka sebenar mereka sebelum mereka memberikan keredaan untuk melupuskan hak tersebut secara *takharruj*, iaitu penolakan bahagian yang diterima sama ada sepenuhnya atau sebahagian. Prinsip yang utama ialah reda dan ikhlas untuk mengurangkan bahagian masing-masing.<sup>64</sup>

Sementara itu, dalam isu tanah adat pula, pendekatan Islam perlu dilakukan ke atas tanah adat yang dipegang dan diturunkan secara ekstrem kepada waris wanita yang menyalahi syarak. Pemilik harta hendaklah mencari alternatif dengan menyediakan hartanah lain sebagai gantian kepada hartanah adat tersebut. Hal ini bagi meneutralkan komposisi pembahagian pusaka Islam yang memberikan hak waris lelaki dua bahagian daripada bahagian waris perempuan.<sup>65</sup> Kaedah pusaka tanah adat ini berlaku di Negeri Sembilan dan Naning di Melaka.

## KESIMPULAN

